

13/10/2002

Kemenangan bukti kerjasama semua parti komponen BN

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Gaya sebagai bukti kerjasama antara semua parti komponen BN di Sabah.

Perdana Menteri berkata, kemenangan itu juga jelas menunjukkan penyokong dan ahli Parti Bersatu Sabah (PBS) memberi sokongan padu kepada calon BN, Liew Teck Chan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada BN Sabah atas kejayaan mempertahankan kerusi Parlimen Gaya," katanya dalam sidang video dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin komponen BN yang disiarkan secara langsung menerusi RTM.

Beliau juga mengarahkan jentera BN Sabah mengkaji segera punca sebenar menyebabkan bilangan pengundi yang keluar mengundi rendah berbanding sebelumnya.

"Kita kena periksa ke mana perginya orang-orang ini (tidak mengundi)," katanya.

Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, pula berkata, kemenangan Liew dengan majoriti besar itu sebagai memenuhi aspirasi rakyat yang mahukan BN terus membangunkan kawasan Gaya.

"Kemenangan ini bukan mengejutkan kerana dari awal kita memang yakin akan menang dengan majoriti antara 8,000 hingga 10,000 undi, tapi kita dapat hampir 12,000," katanya sambil menambah kemenangan itu amat besar maknanya bagi BN Sabah.

Chong yang juga Pengerusi BN Sabah berkata, calon Keadilan, Christina Liew hilang wang pertaruhan bukan perkara yang memmeranjatkan kerana ia memang dijangka sejak awal.

Katanya, ia kerana pemimpin parti itu sendiri tidak yakin dengan kemampuan mereka apabila kebanyakan pemimpin tertingginya pulang ke Semenanjung sejurus penamaan calon pada 3 Oktober lalu, seolah-olah membiarkan calon mereka menghadapi BN dan DAP bersendirian.

"Sepanjang kempen, parti itu juga dilihat sentiasa bertelingkah dengan DAP. Jadi bagaimana mereka hendak meyakinkan rakyat Gaya untuk menyokong parti itu," katanya.

Christina hilang wang pertaruhan apabila hanya mendapat 2,613 undi, kurang satu perleapan daripada undi keseluruhan, sebanyak 21,968 undi.

Calon BN mendapat 15,639 undi, manakala calon DAP, Dr Hiew King Cheu mendapat 3,716 undi.

Ini adalah prestasi terburuk Keadilan pada pilihan raya di Sabah berbanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas tahun lalu serta pilihan raya Parlimen pada 1999.

Pada pilihan raya kecil DUN Likas 21 Julai tahun lalu, Christina memperoleh 1,724 undi berbanding 2,217 undi yang diperolehi calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Dr Chong Eng Leong dan calon BN, Datuk Yong Teck Lee sebanyak 9,758 undi.

Pada pilihan raya Parlimen 1999, Keadilan meletakkan tiga calon bertanding di Sipitang, Silam dan Libaran tetapi tewas.